

PROGRAM BACAAN YAASIN,SURAH AL-KAHFI & TADABBUR AL-QURAN

22 SEPTEMBER 2023

Disediakan oleh: Abdul Azim bin Ab. Ghani

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS JASIN, MELAKA



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menganjurkan pertandingan bercerita kategori sekolah rendah dan menengah pada 13 Jun 2023 sempena Kampus Jasin Open Week bertempat di PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin.

Sebanyak 6 buah sekolah telah menyertai pertandingan anjuran PTAR ini. Antaranya, Sekolah Kebangsaan Merlimau, Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Merlimau, Sekolah Kebangsaan (P) Methodist 1, Sekolah Kebangsaan Merlimau 2, Sekolah Kebangsaan Pantai Kundor dan SMK St Francis.

Untuk pertandingan bercerita ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Pertandingan bercerita Bahasa Melayu untuk sekolah rendah manakala pertandingan bercerita Bahasa Inggeris untuk sekolah menengah. Hadiah utama pertandingan telah ditaja oleh Bank Muamalat Cawangan Melaka. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua.

